

**AstroAwani**

**8 Februari 2018**

<http://www.astroawani.com/berita-sukan/uthm-bekerjasama-bantu-pembangunan-sukan-sepak-takraw-167713>

### **UTHM BEKERJASAMA BANTU PEMBANGUNAN SUKAN SEPAK TAKRAW**

Awani Rangers UTHM, AstroAwani | Diterbitkan pada Februari 08, 2018 19:24 MYT

Facebook Twitter Email Google whatsapp icon

UTHM bekerjasamabantupembangunansukansepaktakraw



Program ini adalah kesinambungan dan penjenamaan semula Kelab Sepak Takraw Putra Rengit sebelum ini dan kini mempunyai keahlian seramai 52 orang ahli - Foto AWANI Rangers UTHM

RENGIT: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan Rengit Rangers Sepak Takraw Club akan bekerjasama dalam mengaplikasikan program perkongsian maklumat menerusi Pembangunan Sepak Takraw Rengit - UTHM bagi merancakkan program pembangunan peringkata karumbi.

Sebanyak 10 pasukan yang melibatkan 50 pemain dan 10 pegawai sekitar Rengit telah berjaya di kumpulkan sempena penganjuran Rengit Rangers Sepak Takraw Battle 2018 ini.

Menurut Presiden Kelab dan juga Penolong Pegawai Belia dan Sukan Pusat Sukan UTHM, Mohd Hazrin Abd Rahman, Rengit Rangers Sepak Takraw Club adalah kesinambungan dan penjenamaan semula Kelab Sepak Takraw Putra Rengit yang kini mempunyai keahlian seramai 52 orang ahli.

"Ia merupakan kali pertama transformasi dibuat kepada logo rasmi dan penganjuran aktiviti kelab. Transformasi ini dilakukan seiring dengan tuntutan semasa dan mengambil ikir kepada penambahbaikan kelab.

"Menerusipenjenamaan ini kelab dengan kerjasama UTHM akan berganding bahu memperkasakan program pembangunan sepak takraw lelaki dan wanita merangkum pelbagai peringkat umuria tersebut, belia dan veteran sejajar dengan hasrat universiti bagi menjalankan kerjasama erat dengan masyarakat selain menyediakan platform perkongsian pintar melalui kepakaran, fasiliti, kepkaranserta khidmat sukarelawan," katanya.

Rengit Rangers Sepak Takraw Club ditubuhkan baru-baru ini melancarkan logo rasmi yang bagaimana memberikan imej yang lebih segar kepada kelab tersebut.

Majlis pelancaran itu disempurnakan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Rengit, Ayub Jamil selaku Presiden Persekutuan Sepak Takraw Daerah Batu Pahat di Dewan Seri Warisan, Kampung Belahan Tampok, Rengit pada 27 Januari lalu.

Dalam majlis tersebut Ayub turut merasmikan Rengit Rangers Sepak Takraw Battle 2018 dan bersetuju untuk membayar iaya sepuhnya aktiviti kelab ini antaranya penganjuran kejohanan sepak takraw sebanyak RM5,000.00 akdua kali sebulan dengan peruntukan sebanyak RM5,000.00.